



NOTIS MAKLUMAN

TUNTUTAN LEBIHAN BAKI DI BAWAH PENDAFTAR WANG TAK DITUNTUT

Lebihan pembayaran balik pembiayaan perumahan LPPSA yang tidak dituntut oleh pelanggan atau waris dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh penyelesaian pembiayaan adalah tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965 dan akan diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Berhubung perkara di atas, suatu Notis Makluman Lebihan Baki Pinjaman/ Pembiayaan bertarikh 1 Januari 2022 telah dikeluarkan kepada pelanggan atau waris berkenaan di mana tarikh akhir membuat tuntutan lebihan bayaran balik daripada LPPSA sebelum diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut adalah pada 22 Februari 2022.

Dimaklumkan LPPSA menjangkakan berlaku sedikit kelewatan proses bayaran tuntutan lebihan bayaran balik sebelum atau pada 22 Februari 2022 disebabkan penerimaan permohonan yang tinggi di saat-saat akhir. LPPSA berusaha menyelesaikan semua tuntutan bayaran yang diterima selewat-lewatnya pada 31 Mei 2022.

Pelanggan atau waris yang mengemukakan borang ke LPPSA **selepas tarikh tutup 22 Februari 2022** boleh membuat tuntutan lebihan bayaran balik terus kepada Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara. Walau bagaimanapun, LPPSA dimaklumkan urusan tuntutan **HANYA** dapat dilaksanakan di Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut **bermula Oktober 2022**.

Sebarang pertanyaan lanjut, pelanggan boleh menggunakan Live Chat melalui aplikasi LiA Chatbot di laman sesawang LPPSA atau menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600, atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

22 MAC 2022